

KUALA LANGAT / SEPANG

Wanita perlu peka isu semasa

JUGRA - Wanita Umno Bahagian Kuala Langat dinasihatkan tidak cepat melatah dengan pelbagai isu politik yang melanda.

Ketua Umno Bahagian Kuala

Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, Wanita adalah tulang belakang Umno.

“Saya nak tengok Wanita kuat berdepan dengan cabaran selain me-

neruskan gerak kerja turun padang mendekati masyarakat.

“Selain itu, Wanita perlu peka dengan situasi politik hari ini sebab kadang-kadang ada antara ahli tak faham isu semasa dan tak tahu nak beri maklum balas yang tepat kepada rakyat,” katanya pada Pelancaran Hari Wanita dan Skwad An Nur Peringkat Parlimen Kuala Langat di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jugra.

Bagi Ketua Wanita Umno Bahagian Kuala Langat, Rozana Kamarulzaman, gerakan menambah pengundi pada setiap program Wanita masih diteruskan.

“Saya galakkan ahli turun padang bagi mendengar nadi rakyat.

“Dengan cara ini, pelbagai maklumat boleh diperolehi terus dan kita boleh menilai luahan rakyat,” katanya.



Sulaiman ketika merasmikan Pelancaran Hari Wanita dan Skwad An Nur Peringkat Parlimen Kuala Langat di IKBN Jugra.

Penduduk disaran aktif berpersatuan

BUKIT CHANGGANG - Persatuan Kebajikan dan Kemasyarakatan Taman Changgang Jaya diharap terus memainkan peranan dalam mengaktifkan penduduk setempat.

Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif berkata, beliau yang hadir merasmikan mesyuarat agung keenam persatuan itu melihat inisiatif penduduk yang aktif menggerakkan persatuan.

“Mereka antara persatuan di Dun Dengkil yang aktif walaupun baharu sahaja menjalankan mesyuarat buat kali keenam.

“Keahlian juga perlu diberi perhatian supaya penduduk setempat turut serta,” katanya.



Sebahagian ahli bergambar bersama Shahrum (duduk, tengah) selepas Majlis Perasmian Persatuan Kebajikan dan Kemasyarakatan Taman Changgang Jaya.

Shahrum berkata, beliau berhasrat memohon semua persatuan supaya terus menjalin kerjasama dengan penduduk membincangkan hal-hal kemasyarakatan yang membolehkan komuniti bersatu padu.

Katanya, pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, kempen kesihatan yang sering diadakan di kawasan perumahan membantu mengajak ahli bersatu dalam setiap aktiviti dirancang.

Teruja tengok gerhana matahari

Warga Mukim Batu berkumpul di Dataran Pantai Kampung Batu Laut, saksi keagungan ALLAH SWT

BATU LAUT - Seramai 200 orang terdiri daripada ketua-ketua kampung Mukim Batu, pelajar dan orang awam berpeluang menyaksikan fenomena gerhana matahari melalui cermin mata khas yang diberi percuma pada Program Cerapan Gerhana Matahari Separa di Dataran Pantai Kampung Batu Laut, semalam.

Program selama dua jam itu bermula pada 7.30 hingga 9.30 pagi turut dihadiri Adun Batu Laut, Mohd Haslin Hassan dan Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Mohammad Tengku Harun.

Penghulu Mukim Batu,

Rahmad Aydil Ali berkata, program dimulakan dengan mengerjakan solat sunat gerhana matahari, mendengar khutbah dan seterusnya melihat kejadian gerhana menggunakan cermin mata khas disediakan.

"Gerhana matahari ini adalah bukti kebesaran dan kekuasaan ALLAH. Dia yang mentadbir sekalian alam.

"Saya nampak peserta begitu teruja apabila melihat gerhana walaupun tidak menggunakan peralatan canggih seperti teleskop dan hanya menggunakan cermin mata khas, tetapi berpuas hati dapat menyaksikan saat-saat pertama bulan menutupi matahari pada jam



Wakil dari Jabatan Mufti Selangor, Abdul Latif menyampaikan taklimat gerhana di Dataran Pantai Batu Laut.

7.30 pagi dan kemuncak bulan menutupi 80 peratus matahari pada jam 8.24 pagi manakala

bulan keluar dari matahari tepat jam 9.30 pagi," katanya.

Rahmad berkata, jika di-

panjangkan umur, orang ramai berpeluang menyaksikan gerhana penuh yang akan berlaku

pada 20 April 2042.

Selain itu, jelas beliau, menerusi program cerapan gerhana ini, peserta dapat mendengar khutbah gerhana berkisar tentang kejadian gerhana sebagai bukti sekalian cakerawala tunduk dan patuh kepada pencipta-Nya.

Dalam pada itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati pelbagai pihak termasuk sekolah-sekolah mengadakan solat hajat bagi memohon doa.

Pelajar, Mohd Iqbal Mohamad, 14, berkata, dia teruja apabila dapat turut berkesempatan ke masjid untuk sama-sama solat hajat berjemaah bersama bapanya.

Dewan sekolah dirasmi Sabtu ini

TELOK DATOK - Majlis perasmian dewan sekolah dan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Methodist Telok Datok, Sabtu ini.

Program yang bermula jam 8.30 pagi itu bakal dihadiri

Pengerusi Eksekutif MK Land Holdings Berhad, Tan Sri Datuk Dr Mustapha Kamal Abu Bakar.

Selain itu, beberapa aktiviti turut diadakan termasuk penyampaian sijil penghargaan UPSR 2015 dan cenderahati.

Mesyuarat agung akan diadakan sejurus majlis selesai.

Awasi kanak-kanak main kasut roda

BANTING - Ibu bapa diharap dapat menjaga keselamatan anak-anak ketika bermain di Dataran Banting.

Pengunjung, Mohd Yusuf Ruslan, 45, berkata, dia yang bersukan di kawasan itu terkejut apabila melihat anak-anak bermain kasut roda tanpa pakaian yang sesuai dan tidak selamat.

Menurutnya, dia pernah terserempak seorang kanak-kanak lingkungan umur 10 tahun terjatuh selepas bermain kasut roda.

“Masa tu dia bersama kawan-kawan. Dia buka kasut roda, dapatkan basikal dan pulang dengan luka di lututnya,” katanya.

Bagi seorang kakitangan kerajaan, Mohd Faizal Nordin, 32, berkata, tidak menafikan sukan kasut roda kini popular di kawasan itu.

“Paling risau bila mereka ni berjalan berpegangan tangan dengan pakai kasut roda, kalau seorang jatuh, semua akan ikut jatuh,” katanya.

Gotong-royong dapat sambutan

BANDAR BARU SALAK TINGGI - Program ziarah dan gotong-royong di Taman Seroja Bandar Baru Salak Tinggi dengan kerjasama Kawasan Rukun Tetangga, persatuan penduduk, surau Jasa dan Jabatan Kebajikan Masyarakat mendapat sambutan menggalakkan, Ahad lalu.

Pengerusi Pembangunan Luar Bandar Parlimen Sepang, Datuk Marsom Paing berkata, beliau ber-

terima kasih atas sambutan dan kerjasama penduduk sepanjang program berlangsung.

Menurutnya, program bertujuan menggalakkan persekitaran bersih dan sihat itu membantu mengurangkan masalah pembiakan aedes.

“Saya nak semua taman perumahan bersikap terbuka untuk aktif dalam aktiviti gotong-royong setempat,” katanya.